



**GARIS PANDUAN
CALON TEMU DUGA
SECARA DALAM TALIAN**

**CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH
(CBBP)
DENGAN / TANPA
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN
(HLP)
PERINGKAT SARJANA, PH.D DAN
AREA OF SPECIAL INTEREST**

SESI AKADEMIK 2021/2022

**BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
TAHUN 2021**

GARIS PANDUAN BAGI CALON TEMU DUGA SECARA DALAM TALIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) DENGAN / TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) PERINGKAT SARJANA, PH.D DAN AREA OF SPECIAL INTEREST SESI AKADEMIK 2021/2022

A. PENCALONAN PENTADBIR TEMU DUGA DARI PTJ (CO-HOST)

1. Calon yang berjaya untuk ke saringan temu duga perlu mengemukakan nama dan maklumat **seorang pentadbir (co-host)** dari Unit Sumber Manusia / Unit Pengurusan Maklumat / Unit Latihan sebagai pentadbir semasa sesi temu duga mengikut ketetapan tarikh dan masa dalam sistem eHLP.
2. Pencalonan *co-host* ini juga boleh dilantik dari kalangan pentadbir semasa permohonan CBBP terdahulu.
3. Calon yg berjaya untuk ke saringan temu duga hendaklah melalui Ketua Jabatan mengemukakan nama dan maklumat *co-host* melalui *Google Form* seperti di link / QR code ini: <https://qrqo.page.link/94XwE> .



4. **PEGAWAI FARMASI**
Co-host yang dilantik **PERLULAH** dari kalangan pentadbir semasa permohonan CBBP terdahulu.
5. **PEGAWAI/PAKAR PERGIGIAN**
Calon tidak perlu mengisi pencalonan *co-host* kerana *co-host* akan ditentukan oleh Program Kesihatan Pergigian. Mohon semak senarai *co-host* di Lampiran I yang akan dikemaskini kemudian. Walau bagaimanapun, calon dari Program Pergigian perlu mengisi *Google Form* berkenaan dengan biodata calon termasuk memuatnaik CV ringkas dan buku log sekiranya ada. **Pegawai/Pakar Pergigian** perlu mengisi maklumat di pautan berikut selewat-lewatnya Jumaat, 29 Januari 2021, jam 5.00 petang.

<https://forms.gle/ahVycYqu3vTKTE7v7>



Program Kesihatan
Pergigian

B. PELAKSANAAN SESI TEMU DUGA SECARA DALAM TALIAN

APLIKASI GOOGLE MEET

1. Urusan temu duga bagi CBBP dengan / tanpa HLP pada tahun 2021 dilaksanakan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet*.
2. *Co-host* dan calon adalah digalakkan mengakses *Google Meet* dengan menggunakan komputer atau komputer riba kerana faktor skrin yang lebih besar dan pengendalian yang lebih bersesuaian dengan sesi temu duga.


Akses kepada aplikasi *Google Meet* dengan menggunakan komputer atau komputer riba boleh dicapai melalui pelayar web dan tidak memerlukan sebarang instalasi perisian tambahan. *Co-host* hanya perlu klik pada pautan mesyuarat yang diberikan atau memasukkan kod mesyuarat. Akses melalui web ini juga boleh dicapai dengan atau tanpa akaun google.

3. Bahagian Pengurusan Latihan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang masalah teknikal dan capaian internet di pihak yang akan ditemu duga. Sehubungan dengan itu, *co-host* dan calon dinasihatkan agar memastikan talian internet sentiasa stabil dan tiada gangguan.

KEPERLUAN MINIMA BAGI URUSAN TEMU DUGA SECARA DALAM TALIAN ADALAH SEPerti BERIKUT:

1. Komputer / Komputer riba
2. Kamera
3. Mikrofon
4. Talian Internet yang stabil
5. Bilik yang kondusif

CARA MUAT TURUN APLIKASI GOOGLE MEET:



LANGKAH-LANGKAH BAGI CO-HOST DAN CALON UNTUK MENYERTAI TEMU DUGA:


1. *Co-host* hendaklah bersedia untuk menyertai sesi temu duga sekurang-kurangnya **15 minit** sebelum sesi berlangsung. Kaedah capaian aplikasi Google Meet adalah seperti berikut:

Klik pada pautan mesyuarat yang telah diberikan oleh urus setia BPL / program atau masukkan kod mesyuarat di Portal Google Meet di pautan <https://apps.google.com/meet/?pli=1> seperti rajah di bawah:




Premium video meetings.
Now free for everyone.

We re-engineered the service that we built for secure business meetings, Google Meet, to make it free and available for all.



[Learn more about Google Meet](#)



2. Tunggu sehingga *host* membenarkan *co-host* masuk ke sesi temu duga. Setelah berjaya masuk ke sesi temu duga, *co-host* hendaklah memastikan audio dan kamera berfungsi dengan baik sebelum sesi temu duga bermula. **AKTIFKAN BUTANG AUDIO DAN VIDEO SEPANJANG SESI TEMU DUGA.**

3. Masa bagi setiap sesi temu duga adalah seperti berikut:

Peringkat pengajian	Maksimum Masa
Sarjana / Area of Special Interest dengan HLP	20 minit
Sarjana / Area of Special Interest Tanpa HLP	20 minit
PhD tanpa HLP	20 minit
PhD dengan HLP	30 minit


4. Pentadbir temu duga dari PTJ (*co-host*) akan memperakukan identiti calon. Hanya calon sahaja yang dibenarkan masuk ke bilik temu duga tanpa membawa sebarang alat peranti. Calon dibenarkan masuk ikut giliran yang ditetapkan.
5. Ketika sesi temu duga bermula, calon perlu memperkenalkan diri dalam keadaan berdiri di mana kamera dihalakan kepada calon agar posisi penuh calon dapat dilihat oleh urus setia dan panel.






6. Calon kemudiannya dibenarkan duduk untuk memulakan pembentangan slaid. Calon digalakkan untuk menggunakan *wireless mouse* bagi sesi pembentangan.
7. **Pembentangan kertas cadangan / rangka kursus perlu mengikut masa yang ditetapkan seperti di bawah:**

Peringkat pengajian	Maksimum Masa	Maksimum slaid
Sarjana / <i>Area of Special Interest</i> dengan HLP	5 minit	3
Sarjana / <i>Area of Special Interest</i> Tanpa HLP	5 minit	3
PhD tanpa HLP	5 minit	3
PhD dengan HLP	10 minit	6

8. **Calon dinasihatkan menguji pembentangan slaid sebelum tarikh temu duga bagi menjamin kelancaran pembentangan slaid kelak. Cara *SHARE SLIDE* adalah seperti berikut:**
 - Buka terlebih dahulu *slide presentation* yang akan dibentangkan.





C. PERKARA YANG DIBENARKAN DAN TIDAK DIBENARKAN SEPANJANG SESI TEMU DUGA

1. Calon hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KKM. Calon dikehendaki memakai pelitup muka sepanjang masa **kecuali semasa sesi temu duga** dan hendaklah mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.
2. Perkara yang **DIBENARKAN**

Calon dikehendaki menggunakan **Nama Penuh** sebagai kata pengguna (*username*).

Calon perlu sentiasa **aktifkan audio dan video** sepanjang sesi temu duga berlangsung.

Calon dikehendaki sentiasa menggunakan **bahasa** yang **formal** dan **rasmi** ketika sesi temu duga.

Calon hendaklah **sentiasa peka** dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh panel penilai.

DIBENARKAN



Calon dikehendaki **mematuhi etika pakaian** yang telah ditetapkan seperti di bawah. Pengecualian akan diberi kepada calon yang telah memaklumkan awal kepada urus setia akan ketiadaan pakaian yang sesuai untuk mengikuti sesi temu duga.

Lelaki



Perempuan



Hanya **calon sahaja** dibenarkan berada dalam video semasa temu duga dijalankan tanpa bantuan orang lain.

3. Perkara yang **TIDAK DIBENARKAN**

Calon **tidak dibenarkan** memanjangkan atau menyebarkan emel dan pautan berkaitan sesi temu duga kepada orang lain.

Calon **tidak dibenarkan** menyebarkan maklumat berkaitan sebelum, semasa atau selepas temu duga dilaksanakan di media sosial atau ruangan peribadi (blog, vlog dan sebagainya).

Calon **tidak boleh** menukarkan tarikh atau masa temu duga. Pengecualian akan diberikan kepada calon yang telah memaklumkan kepada urus setia (hal kecemasan sahaja).

TIDAK DIBENARKAN



Calon **tidak dibenarkan** makan atau minum ketika sesi temu duga sedang berlangsung.

Calon **tidak dibenarkan** membuat rakaman (audio atau video) ketika sesi temu duga sedang berlangsung.

Calon **tidak dibenarkan** untuk memakai penutup muka (*mask*) ketika sesi temu duga sedang berlangsung.

4. Sekiranya calon **GAGAL** mematuhi setiap arahan yang diberikan, panel temu duga berhak untuk menggagalkan calon.

D. PEGAWAI PENYELARAS UNTUK DIHUBUNGI:

PROGRAM	PERINGKAT	DI BAWAH URUSAN	PEGAWAI PENYELARAS
1. Penyelidikan dan Sokongan Teknikal 2. Pengajar 3. Jururawat 4. Penolong Pegawai Perubatan 5. PhD Semua Program	Sarjana HLP Sarjana THLP PhD THLP PhD HLP (Bagi semua Program)	Bahagian Pengurusan Latihan	1. Puan Nur Hanani binti Selamat 03-88850772 2. Puan Nur Asyikin binti Ab Latip 03-88850600 ext 6293 011-11749080 (general line) ehlp1@moh.gov.my
6. Sains Kesihatan Bersekutu	Sarjana HLP Sarjana THLP PhD THLP	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu	1. Puan Hajah Puzilah binti Dollah 03-88901011 puzilah.d@moh.gov.my
7. Pergigian	Sarjana HLP Sarjana THLP	Program Kesihatan Pergigian	1. Dr Azilina binti Abu Bakar 03 - 8883 4243 dr.azilina@moh.gov.my 2. Dr Nurul Syakirin binti Abdul Shukor 03 - 8883 4207 drsyakirin@moh.gov.my
8. Farmasi	Sarjana HLP Sarjana THLP PhD THLP	Program Perkhidmatan Farmasi	1. Pn Masliana binti Awang 03-78413325 maslianaa@moh.gov.my 2. Cik Nur Ain binti A Rashid 03-78413678 nurain.arashid@moh.gov.my
9. Perubatan & Kesihatan Awam	Sarjana HLP Sarjana THLP PhD THLP	Bahagian Perkembangan Perubatan	1. Dr Syarifah Noor Anisah binti Ahmad 03-8883 1108 anisa@moh.gov.my 2. Dr Norsyamimi binti Abdul Kazar 03-88906050 drnorsyamimi@moh.gov.my
10. Teknologi Makanan	Sarjana HLP	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan	1. Puan Ayeesha binti Ahmad Mustaza 03-88850797 ayeesha@moh.gov.my

SELAMAT MAJU JAYA